

KSN umum pegawai Persekutuan bercuti jika hari raya disambut Rabu ini

Penjawat awam dapat pelepasan

PUTRAJAYA – Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan pelepasan khas daripada bertugas pada 8 Julai ini kepada pegawai perkhidmatan awam Persekutuan sekiranya Hari Raya Aidilfitri diisytiharkan pada 6 Julai ini, demikian umum Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Ali Hamsa (**gambar kecil**).



Bagaimanapun, katanya, pelepasan khas daripada bertugas itu tidak terpakai sekiranya Hari Raya Aidilfitri diisytiharkan pada 5 Julai.

“Orang awam yang merancang untuk mendapatkan perkhidmatan kerajaan pada hari pelepasan khas tersebut digalakkan untuk mengunjungi jabatan dan agensi yang



KAKITANGAN awam akan mendapat pelepasan khas daripada bertugas pada 8 Julai depan jika hari raya disambut pada Rabu ini. – Gambar hiasan

berkenaan sebelum cuti umum Hari Raya Aidilfitri,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ali dalam pada itu merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kerana bersetuju dengan cadangan daripada penjawat awam itu khususnya oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja

Di Dalam Perkhidmatan Awam.

“Semoga penjawat awam dapat memanfaatkan pemberian pelepasan khas daripada bertugas untuk meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama keluarga dan seterusnya memberikan perkhidmatan yang terbaik dan produktif apabila kembali bertugas di jabatan dan agensi masing-masing,” katanya.

Harga petrol, diesel naik 5 sen

KUALA LUMPUR – Harga runcit petrol RON95, RON97 dan diesel naik 5 sen untuk bulan Julai bermula tengah malam semalam.

Sumber industri menyebut, harga baharu petrol RON95 ialah RM1.75 seliter daripada RM1.70 seliter bulan lalu manakala harga RON97 naik RM2.10 seliter daripada RM1.60.

Harga minyak diesel pula dijual pada RM1.60 seliter.

Mulai Julai tahun lepas, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan tidak memberi notis mengenai perubahan harga minyak dan hanya memaklumkan kepada Persatuan Penjual Pengusaha Stesen Minyak Malaysia.

Sehubungan itu, pengusaha stesen minyak dan para pengguna dinasihati untuk menggunakan harga terkini yang telah ditetapkan oleh kerajaan.